

24 OCT 2001

LEAD LITAR-BSKL

BSKL AKAN LAKSANA MEKANISMA HENTIKAN DAGANGAN PADA SUKU PERTAMA 2002

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) akan melaksanakan mekanisma pemutus litar pada suku pertama tahun depan, kata timbalan presiden II bursa itu, Ungku A. Razak Ungku A. Rahman hari ini.

"Dalam menyediakan pendekatan pasaran yang meluas bagi menangani pergerakan menurun indeks barometer dengan memberhentikan dagangan secara sementara, pemutus litar itu menyediakan peluang bagi penyebaran maklumat yang lebih luas untuk semua peserta pasaran membuat keputusan pelaburan yang lebih baik," kata Ungku Razak pada taklimat media mengenai pemutus litar berkenaan.

Pemutus litar itu yang diumumkan oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad semasa membentangkan Belanjawan 2002 pada 19 Okt lepas, akan membantu menyederhanakan kemudahruapan pasaran yang berlebihan.

Pemutus litar itu akan berfungsi apabila Indeks Komposit (IK) BSKL menurun sebanyak 10 peratus, 15 peratus dan 20 peratus berbanding nilai penutup pasaran hari sebelumnya.

Sekiranya IK BSKL jatuh lebih daripada 10 peratus tetapi kurang 15 peratus daripada nilai penutup pasaran hari sebelumnya, dagangan diberhentikan selama satu jam jika ia berlaku sebelum pukul 11.15 pagi atau 3.45 petang.

Bagaimanapun, dagangan akan diberhentikan sepanjang sesi dagangan jika ia berlaku pada atau selepas pukul 11.15 pagi atau 3.45 petang.

Sekiranya IK BSKL jatuh dengan agregat pada atau lebih daripada 15 peratus tetapi kurang daripada 20 peratus nilai penutup hari pasaran sebelumnya, dagangan diberhentikan selama satu jam jika ia berlaku sebelum pukul 11.15 pagi atau 3.45 petang.

Beliau berkata dagangan akan diberhentikan sepanjang sesi dagangan jika ia berlaku pada atau selepas pukul 11.15 pagi atau 3.45 petang.

Jika IK BSKL jatuh dengan agregat pada atau lebih daripada 20 peratus nilai penutup hari pasaran sebelumnya, dagangan diberhentikan sepanjang hari.

Bagi menentukan paras pemutus litar itu berfungsi, Ungku Razak berkata tahap yang diputuskan bagi mekanisma itu telah didapati yang paling berkesan dalam memenuhi objektif menangani kemudahruapan pasaran berlebihan.

"Penemuan ini disokong oleh satu kajian pergerakan IK BSKL dalam satu tempoh masa tertentu termasuk kejadian penurunan IK BSKL yang mengejut dan berpanjangan serta indeks dari segi sejarah yang pernah jatuh 10 kali dalam lebih 10 peratus dalam tempoh 14 tahun usia dagangannya," kata Ungku Razak.

Kajian itu juga termasuk semakan perbandingan amalan terbaik antarabangsa.

Mekanisma pemutus litar itu hanya akan memberhentikan dagangan secara sementara apabila ia mencecah tahap berkenaan dan semua penjelasan, penyelesaian dan operasi depositori akan berfungsi seperti biasa.

Sebagai contoh, sekiranya ia berlaku pada pukul 10.00 pagi, semua dagangan yang memadan pada pukul 10.00 pagi akan dijelaskan dan diselesaikan sebagaimana biasa mengikut sistem penyelesaian T+3. Semua pesanan yang tidak memadan sebelum pukul 10.00 pagi akan terus dipadankan semasa pemberhentian dagangan.

Semasa pemutus litar itu berlaku, semua pesanan yang berpadanan akan

kekal sah.

Pesanan tidak memadan yang memasuki sistem dagangan akan terus berada dalam senarai pesanan apabila pemutus litar bermula pada paras 10 peratus dan 15 peratus.

Bagaimanapun, pesanan yang tidak memadan akan dikeluarkan daripada sistem apabila pemutus litar bermula pada 20 peratus, dengan dagangan diberhentikan sepanjang sesi dagangan.

Para pelabur akan dimaklumkan apabila pemutus litar itu berfungsi melalui pengumuman oleh BSKL melalui pelbagai sumber, media, internet di laman web BSKL di www.klse.com.my. dan syarikat pembrokeran.

Para pelabur juga akan dimaklumkan mengenai tarikh dan masa dagangan disambung semula.

Apabila pemutus litar itu berlaku, para pelabur sepatutnya mengikuti segala perkembangan mengenainya dengan mendapatkan maklumat dari sumber-sumber yang ada.

Dalam hal ini, para pelabur akan boleh menilai dan menyemak keadaan itu berdasarkan maklumat yang ada dan tidak hanya melalui aliran pasaran serta spekulasi bagi membuat keputusan pelaburan yang lebih baik apabila dagangan disambung semula. -- BERNAMA

MAS KTC NHD